

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 76

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua hospital dan klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang yang sudah mencapai kegunaan maksima sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang disampaikan adalah yang terbaik. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak KKM telah pun membuat perancangan teliti bagi meningkatkan kualiti kemudahan fasiliti-fasiliti hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara termasuk negeri Pulau Pinang.

Antara faktor yang diambilkira dalam menentukan pembinaan baru fasiliti kesihatan dan kemudahannya untuk dinaiktaraf adalah berdasarkan keutamaan seperti berikut:

1. Tahap keselamatan yang mendesak;
2. Bangunan dan peralatan lama serta using;

3. Peningkatan beban penyakit yang memerlukan peningkatan kapasiti perkhidmatan dengan tambahan blok baru;
4. Peningkatan penduduk yang memerlukan sebuah fasiliti kesihatan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan yang sedia ada; dan
5. Naik taraf akibat pertambahan skop perkhidmatan fasiliti kesihatan.

Sehubungan itu, di dalam RMK-11, KKM melaksanakan beberapa projek pembinaan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan sedia ada untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang. Antaranya termasuk projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (HPP) yang telah siap dibina pada 21 Mei 2019 dengan kos sebanyak RM15.43 juta serta projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya (HSJ) yang telah siap dibina pada 8 April 2019 dengan kos sebanyak RM15.27 juta.

Selain daripada itu, terdapat juga projek pembinaan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan di Pulau Pinang yang sedang dalam fasa pembinaan iaitu:

a) Projek Pembinaan Hospital Baru dan Naiktaraf Hospital Sedia Ada:

- i. Projek *Multi-Storey Block* (dengan izin), HSJ bernilai RM486 juta. (Jangkaan siap: 26 Jun 2020); dan
- ii. Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau bernilai RM22.54 juta. (Jangkaan siap: 9 April 2020)

b) Projek Pembinaan Baru Klinik Kesihatan:

- i. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandar Perda, Seberang Perai Tengah bernilai RM30 juta. (Jangkaan siap: 18 Feb 2021); dan

- ii. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih, Barat Daya P.Pinang bernilai RM 30 juta. (Jangkaan siap: 2021)

Terdapat juga empat (4) buah projek lagi yang telah diluluskan peruntukan dan sedang dalam perancangan iaitu:

- i. Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, HPP;
- ii. Blok Wanita dan Kanak-kanak HPP (329 Katil);
- iii. Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital HPP (300 Katil); dan
- iv. Kuarters HPP (202 Unit).

Selain itu, beberapa permohonan projek di bawah Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke-11 untuk membina fasiliti kesihatan baru dan menaiktaraf fasiliti kesihatan sedia ada di Pulau Pinang iaitu:

- i. Klinik Kesihatan Jenis 1 (Tanpa Kuarters) Butterworth, Seberang Perai Utara yang bernilai RM121 Juta;
- ii. Membina Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Bayan Lepas dan 16 Unit Kuarters, Pulau Pinang bernilai RM35 Juta;
- iii. Projek Menaiktaraf Bangunan Asrama Jururawat Kepada Kompleks Psikiatri, Hospital Bukit Mertajam bernilai RM55 Juta; dan
- iv. Klinik Kesihatan Jenis 3 (Tanpa Kuarters) Kubang Semang, Seberang Perai Tengah bernilai RM30 Juta.

Bagi perancangan jangka panjang, KKM akan terus memantau keadaan fasiliti kesihatan sedia ada dan akan membina fasiliti kesihatan yang baru atau menaiktaraf fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan negara. Sekian, terima kasih.